

Rekonstruksi Tamadun Islam Berasaskan Konsepsi Dan Missi Al-Wasatiyyah Dirantau Asean Dan Peranan Institusi Pendidikan Tinggi Islam

M.Kamal Hassan¹

¹(IIUM, Malaysia)

Mukadimah

Berdasarkan kepada wawasan Islam sebagai agama Allah (SWT) yang menjanjikan “*hasanah fi’ d-dunya*” dan “*hasanah fi’ l-akhirah*” dalam struktur kehidupan bertamadun yang terbina atas prinsip-prinsip *Iman, Islam, Ilmu, Ihsan, Amal Salih* dan *Taqwa*, para ilmuwan Islam sentiasa harus menilai mutu kehidupan bertamadun umat Islam, dalam rangka melaksanakan misi utamanya sebagai *Ummatan Wasatan litakunu Syuhada’a `ala’N-Nas wa yakuna’R-Rasulu `alaikum Syahidan* (Q.2: 143). Selama lebih kurang seribu tahun tamadun Islam menjadi tamadun yang unggul didunia dengan pencapaian-pencapaian yang cemerlang dalam bidang ilmu agama, ilmu sains tabi`i, matematik dan teknologi, ilmu perubatan, ilmu astronomi, ilmu seni bina, dan lain-lain. Dengan kecemerlangan ilmu dan teknologi, ketinggian akhlak dan budi pekerti, kekuatan ekonomi, pengurusan dan ketenteraan, dunia Islam pada zaman pra-penajahan Barat telah menampilkan umat dan tamadun Islam universal yang disegani, diteladani, digeruni dan dihormati. Sudah diketahui umum bahawa tamadun itulah yang menjadi asas kepada kelahiran tamadun Eropah yang baru, kreatif dan maju.

Situasi dunia Islam masa kini, sebagaimana yang dimaklumi, amat memilukan dalam berbagai segi kehidupan bernegara, tetapi keadaan umat Islam di Asia Tenggara – meskipun dilingkari oleh kelemahan-kelemahan ilmu pengetahuan, ekonomi, politik dan kehidupan bermoral – masih mempunyai potensi besar untuk menampilkan beberapa aspek unggul tamadun Islam universal, seperti sifat cintakan ilmu pengetahuan, sifat berlapang dada dan toleransi antar-agama dan antar-berbudaya, sifat membela keadilan kemanusiaan, sifat menjaga tatasusila dan budi pekerti yang luhur, sifat merendah diri dan dermawan, sifat keseimbangan antara keduniaan dan keakhiratan, sifat tidak suka kepada kehidupan penuh keganasan, hiruk pikuk dan porak peranda. Pada masa yang sama umat Islam di Asia Tenggara berkeupayaan membangun tradisi kesenian dan kebudayaan yang bermoral, perekonomian yang beretika, keupayaan memimpin dan mengurus masyarakat majemuk, dan keupayaan memerintah dan mentadbir negara berbilang agama secara demokratik.

Sebuah tamadun umat Islam yang dijiwai oleh prinsip kedamaian antara agama, kaum dan budaya; kesusilaan, peradaban dan amalan integriti; keindahan zahir dan batin; kemesraan dengan alam sekitar; kesejahteraan kebendaan dan kerohanian, dipandu oleh pemimpin-pemimpin beragama Islam

yang bersifat profesional, berkompentensi, berakhlak mulia, beriman dan bertakwa boleh dibangunkan di rantau ASEAN sekiranya objektif murni itu difikirkan secara matang, dirancang secara mantap dan dilaksanakan secara kolektif. Konsepsi dan Missi *al-Wasatiyyah* yang ditetapkan oleh wahyu Ilahi dijadikan asas pembinaan baru atau rekonstruksi tamadun Islam secara kolektif dan trans-nasional, dan universiti-universiti berasaskan falsafah pendidikan Islam serta institusi-institusi pendidikan tinggi Islam di rantau ASEAN perlu menjadi pusat pemikiran dan role model institusi pengembangan ilmu dan pendidikan yang berusaha mengaktualisasikan ciri-ciri *al-Wasatiyyah* dan kerjasama keagamaan, keintelektualan dan ketamadunan trans-nasioanl itu.

Pandangan Semesta Islam dan Realiti Tamadun Islam di Nusantara: Proses Pembinaan Yang Tak Terarah, Tak Terkoordinasi, Banyak Kekurangan, Kelemahan dan Kepincangan

Sesungguhnya kedatangan agama Islam di Asia Tenggara dan proses Islamisasi masyarakat rumpun Melayu di Nusantara berabad-abad lamanya telah melahirkan sebuah tamadun baru diatas warisan budaya dan tamadun non-tauhidik dan polytheistik. Berasaskan kesatuan Akidah, Syari`ah dan Akhlak Tauhidi (atau kesatuan Iman, Islam dan Ihsan) yang dibawa oleh agama Islam, masyarakat beragama Islam di Nusantara mulai membangun kehidupan dan budaya mereka berpandukan sistem nilai dan pandangan semesta Tauhidi yang kemudian berkembang kedalam sistem kekeluargaan, sistem kerajaan, sistem perundangan, sistem pendidikan, kesenian dan adat resam. Bandar-bandar besar di Sumatera Utara, Pulau Jawa, Kalimantan, Tanah Melayu, Patani, Brunei, Kampuchea, Mindanao mulai berkembang menjadi pusat-pusat ketamadunan Islam dengan sistem pemerintahan beraja Muslim dan sistem keilmuan agama Islam berdasarkan ilmu-ilmu fikih, tafsir, tauhid, tasawwuf dan Bahasa Arab.

Pandangan semesta atau falsafah hidup yang baru yang merombak sistem kepercayaan masyarakat di kepulauan Melayu-Indonesia yang lama – animistik, politheistik, kebatinan, Hindu – berkaitan dengan ketuhanan, keagamaan dan kemasyarakatan membawa satu sistem kepercayaan baru saperti berikut:

1. Bahawa Tuhan yang sebenar ialah Satu dan Dia bukan sahaja Pencipta segala yang wujud, tetapi juga Pentadbir, Penjaga, Pemilik dan Penentu segala-segalanya. KetunggalanNya adalah mutlak, zatNya tidak dapat diketahui tetapi sifat Maha Penyayang dan Maha PengasihNya mengatur, mengurus dan terus menerus menjaga seluruh alam dan seluruh kewujudan tanpa sebarang sekutu yang mempunyai sifat ketuhanan dalam bentuk apa pun selain Dia Yang Maha Esa. Dialah Hakikat yang tanpa permulaan dan tanpa kesudahan. Dia sahaja yang menentukan apa itu kebenaran dan kebatilan, yang betul dan yang salah, yang halal dan yang haram, yang lurus dan yang sesat, dan yang palsu dan yang benar secara mutlak.

Hakikat ketuhanan seperti ini menjadikan agama Islam agama monotheistik satu-satunya yang mutlak dan tanpa sebarang kompromi dengan unsur-unsur pantheisme, politeisme, triuinisme, animisme, spiritualisme, atau mistisisme yang sedia wujud di Nusantara sebelum kedatangan Islam. Selain dariNya adalah makhluk belaka yang mempunyai permulaan dan akan mengalami kesudahan atau kebinasaan bila sampai masanya.

2. Alam – yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera (*al-Ghaib*) dan yang dapat dilihat (*al-Syahadah*) – adalah ciptaan Allah (SWT) untuk menzahirkan Ayat-ayatNya (tanda-tanda kewujudan, kekuasaan, kehendak dan ilmuNya, bukti-bukti kewujudan dan kerahmatanNya, peringatan-peringatan dan mesejNya) supaya insan dapat mengenaliNya dan mengabdikan diri kepadaNya sahaja. Alam yang kekal abadi ialah di Akhirat dimana insan akan hidup buat selama-lamanya, sama ada dalam al-Jannah atau dalam al-Jahannam. Segala sumber alam tabii disediakan Allah SWT untuk kegunaan insan sesuai dengan hukum dan peraturan yang Ia tetapkan dalam al-Qur'an dan dikembangkan dalam al-Sunnah al-Nabawiyyah. Alam ini bukan Tuhan dan tidak sama dengan Tuhan dan haram disembah oleh manusia. Alam adalah anugerah Allah (SWT) untuk kegunaan hamba-hambaNya.
3. Manusia adalah makhlukNya yang paling tinggi nilainya, tetapi ia adalah hamba kepada Allah (SWT) yang ditugaskan memikul amanah sebagai khalifah di bumiNya untuk mengimarahkan bumi dan alam sesuai dengan Akidah dan Syari'ahNya. Manusia dijadikan berbangsa-bangsa dan berlainan bahasa, warna dan budaya untuk saling kenal mengenal dalam satu sistem kehidupan yang ditentukan oleh Allah (SWT) dan RasulNya (SAW). Manusia dibekalkan dengan akal sebagai amanah Ilahi dan alat mendapat ilmu pengetahuan, dan diberi Petunjuk dan ilmu mengenal Tuhan dalam bentuk Kitab Wahyu dan Kitab Alam Terbuka. Hidup dan mati adalah ketentuan Allah (SWT) untuk menjadi medan ujianNya supaya manusia melakukan apa yang baik untuk dirinya didunia dan diakhirat. Kesejahteraan dan kejayaan yang hakiki (*al-falah*) dan kegagalan atau kerugian yang hakiki (*al-khusran*) bagi insan berkait dengan destini yang baik atau buruk dialam Akhirat. Insan harus waspada dengan bisikan Syaitan dan dorongan hawa nafsu yang kedua-duanya bertujuan menghancurkan keteguhan iman Tawhidik. Kesenangan hidup duniawi (*mata' al-hayat al-dunya*) menimbulkan banyak kepalsuan, penipuan dan illusi (*al-ghurur*) yang mampu memperdaya insan untuk lupa kepada Tuhan atau membebaskan diri daripada nilai-nilai dan norma-norma Ilahi. Agama yang ditentukan untuk insan oleh Rabbnya hanya satu iaitu Din Al-Islam yang menjamin keselamatan didunia dan kesejahteraan di Hari Akhirat, dan Pemimpin insan yang tertinggi ialah Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul pilihanNya. Dengan demikian Pemimpin umat Islam di seluruh dunia, termasuk Nusantara atau ASEAN, yang satu-satunya ialah Nabi Muhammad (SAW) yang meninggalkan Sunnahnya untuk menjadi rujukan mutlak yang

kedua sesudah al-Qur'an al-Karim dalam membangun budaya dan tamadun Islam yang merentasi dan menyatukan alam Melayu-Indonesia dan alam Nusantara.

4. Allah SWT juga menentukan bahawa orang-orang Mukmin adalah bersaudara dalam satu ikatan persaudaran universal dan transnasional (*ukhuwwah islamiyyah*) yang mengatasi bangsa, negara, daerah, bahasa, perbezaan ideologi politik kepartaian, kebudayaan dan tamadun. Orang Mukmin inilah yang menjadi alat paling ampuh untuk melaksanakan dan merealisasi objektif-objektif Ilahi dan Islamik dalam ruang dan waktu yang nyata, sebagai pelaksanaan missi *Rahmatan li'l-'Alamin*. Mereka juga menjadi benteng terkuat mempertahankan kesucian agama Allah (SWT), kedaulatan tanah air orang Islam, kemuliaan insan, keluhuran hukum-hukum Allah (SWT), dan kelangsungan hidup yang aman, damai, makmur dan sejahtera untuk semua manusia.
5. Allah (SWT) telah menetapkan dan menjadikan umat Islam sebagai umat terbaik (*Khair Ummah* dan *Ummah Wasat*) dengan tugas dan tanggungjawab mendakwahkan Kebenaran, mengundang manusia lain kepada jalan Allah SWT, menyeru kepada keadilan, kebaikan, melaksanakan Amar Makruf dan Nahi Munkar dengan cara yang damai dan dengan penuh bijaksana. Umat Islam dilarang memaksa orang lain untuk memeluk agama Islam, tetapi harus berjihad pada jalan Allah dan sedia mempertahankan hak orang Islam dan kesucian agama Islam dari pencerobohan musuh-musuh Islam atau kuasa-kuasa agama atau ideologi ciptaan manusia yang berusaha menggugat kesatuan, kedudukan, keamanan dan hak umat Islam dimana saja.

Berkat usaha-usaha dakwah dan penyebaran agama Islam secara aman dan berhikmah, transformasi budaya dan tamadun Nusantara telah berlaku secara besar-besaran. Pandangan semesta Qur'anik dan Tauhidik memberikan kepada alam dan masyarakat "Jawi" theologi, ontologi, kosmologi, anthropologi, epistemologi, sistem hukum dan etika, teleologi dan aksiologi yang bersumberkan Wahyu Ilahi, dan bersifat arus perdana (*Sunni*) . Pandangan semesta ini dengan tegas dan tuntas menolak sistem kepercayaan dan amalan yang berunsur Syirik dan Kufur, walaupun ia boleh mengakomodasi budaya setempat yang tidak bercanggah dengan sistem Akidah, Syari'ah dan Akhlak Tauhidiknya. Sistem peribadatannya yang berpaksikan Rukun Islam yang lima dan sistem akhlaknya yang berteraskan Rukun Iman dan prinsip Taqwa Kepada Allah (SWT) dapat menyatukan umat Islam dari pelbagai rumpun bangsa, bahasa dan budaya dalam satu budaya Islam "Jawi" dan satu ikatan persaudaraan Islamik yang merentasi kepelbagaian daerah, warna kulit dan keturunan ethnic.

Kesultanan-kesultanan Melayu Islamik diseluruh Nusantara kemudian menjadi benteng pertahanan identiti dan kuasa politik-ekonomi baru yang diancam dan seterusnya dikalahkan oleh kekuatan-kekuatan kolonialisme Belanda, Portugis, Inggeris, Spain dan Amerika dari abad ke 16 hingga abad ke 20. Tetapi oleh kerana sistem pendidikan agama Islam pada umumnya menekankan aspek-aspek ritual seperti solat,

puasa haji, dan kebolehan membaca al-Qur'an tanpa mengetahui makna, maka konsep-konsep ekonomi, perundangan dan kemasyarakatan seperti *Ummah Wasat* tidak diberi perhatian yang sewajarnya dalam sistem pelajaran agama dan penghayatannya.

Kedatangan era kolonialisme kuasa-kuasa Barat membawa perubahan besar keatas masyarakat, pemerintahan, ekonomi, budaya dan pemikiran umat Islam di Nusantara melalui proses-proses sekularisasi, modenisasi dan Westernisasi secara besar-besaran. Salah satu akibat negatifnya ialah sekularisasi budaya dan terbantutnya perkembangan tamadun umat Islam yang bercirikan kesatuan Akidah, Syari'ah dan Akhlak mengikut tradisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Dalam pandangan semesta (*Weltanschauung*) Sunni ini, Wahyu Ilahi dan Sunnah Rasulullah (S.A.W.), serta ilmu para Ulama' silam yang mengatur kehidupan, budaya dan tamadun umat Islam. Akibat dipaksakan proses sekularisasi, Westernisasi dan modernisasi oleh kuasa-kuasa penjajahan Barat di negeri-negeri orang Islam Nusantara, sistem pemerintahan, sistem pendidikan, sistem perundangan dan sistem ekonomi ala Barat menjadi bahagian baru dalam struktur budaya dan tamadun umat Islam Nusantara. Dualisme dan dichotomi sistem pendidikan berserta sekularisasi undang-undang dan budaya menjadi ciri yang berpengaruh besar dalam menstrukturkan tamadun umat Islam zaman kolonialisme. Kepelbagaian budaya, kelainan sistem politik, ekonomi dan Westernisasi sistem pendidikan membawa masyarakat Islam kepada pola fragmentasi tamadun dengan wujudnya aliran *Islah-Tajdid* (Reformasi) Kaum Muda berbasis sistem madrasah yang berkonfrontasi dengan aliran tradisional –*Taqlid* berbasis pondok-pesantren.

Kebangkitan faham nasionalisme dan gerakan kemerdekaan Asia Tenggara daripada cengkaman sistem penjajahan Inggeris, Belanda dan Spain menambahkan satu lagi pola pemikiran umat Islam dalam acuan tamadunnya yang sudah distrukturkan oleh kecenderungan masing-masing budaya lokal, daerah, negeri, serta agenda politik, ekonomi, budaya dan pendidikan pemerintah kolonial. Maka pola-pola pemikiran Muslim nasionalis, Muslim reformis, Muslim tradisionalis, Muslim modernis-sekularis dan Muslim militant memberikan impak masing-masing keatas pemikiran dan tindakan masyarakat Islam di Indonesia, Tanah Melayu termasuk Singapura, Patani, Brunei, Kampuchea dan Maindanao.

Pada era pasca kemerdekaan, sistem pendidikan nasional memasukkan mata pelajaran ilmu agama Islam (atau ilmu fardhu ain) dalam sistem kebangsaan, walau pun masih terdapat institusi pendidikan umat Islam yang tertumpu kepada pembelajaran ilmu-ilmu agama Islam sahaja. Faham dan gerakan Islam sebagai satu cara hidup rabbani yang syumul yang merangkumi dimensi politik, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan modern (termasuk ilmu sains dan teknologi) menjadi pola pemikiran dan tindakan pasca kolonialisme umat Islam yang sangat berpengaruh. Dengan gabungan gerakan reformasi dan pembebasan daripada hegemoni tamadun Barat dengan agenda sekularisasi dan Westernisasinya, pola pemikiran Islam yang Tauhidik, holistik dan integralistik ini Berjaya menampilkan pembaharuan dalam sistem politik, pendidikan, undang-undang, dan ekonomi negara masing-masing, seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Lalu sistem demokrasi berparlimen, perlembagaan moden yang memberi kebebasan beragama dan hak kerakyatan yang sama dengan rakyat beragama Islam, kebebasan untuk wanita Islam

mendapat peluang pendidikan atau pekerjaan sama dengan lelaki, pendidikan sains dan teknologi, perbankan Islamik, perundangan berorientasi Syari`ah, dan aliran seni dan budaya Islamik menjadikan struktur tamadun Islam bersifat kontemporari, berunsur moderniti yang berimbangan dengan aspek-aspek adat, sejarah tempatan dan tradisi lokal, lebih dinamik, dan lebih akomodatif.

Namun semua proses perubahan sosio-budaya dan politik umat Islam – sama ada dalam negara umat Islam majoriti atau negara umat Islam minoriti – berlaku dalam konteks negara kebangsaan masing-masing dengan dipengaruhi oleh pelbagai faktor lokal: perlembagaan negara, dasar-dasar negara, kepentingan-kepentingan negara, keutamaan-keutamaan negara dan keterbatasan-keterbatasan waktu, ruang dan sumber daya manusia.

Oleh yang demikian wajah, bentuk dan orientasi tamadun Islam umat Islam di Asia Tenggara pun banyak diwarnai oleh konteks realiti nasional negara masing-masing, disamping faktor globalisasi dan fakta interaksi dengan aliran-aliran pemikiran dan pengaruh dari masyarakat bukan Islam. Begitu kuat pengaruh faktor negara nasional dan interaksi dengan unsur-unsur diluar Islam sehingga belum dapat dilahirkan satu kesepakatan bersama atau konsensus umat Islam se ASEAN untuk membentuk atau merekonstruksi sebuah tamadun Islam yang berciri wawasan trans-nasional, regional dan sekali gus universal, tanpa menafikan tuntutan-tuntutan realiti semasa masing-masing negara.

Sekiranya wujud kesepakatan pemikiran agama trans-nasional dan universal sedemikian, tren-tren pemikiran dan tindakan keagamaan umat Islam yang bersifat ta`assub, ekstremis, fragmentatif, konfrontatif atau menuju perpecahan dapat dihindari, disamping ianya membuka peluang baru untuk memperkukuhkan kondisi dan peranan umat Islam serantau dalam usaha mewujudkan keberadaan umat yang kuat, bersatu, maju, toleran dan menjadi kekuatan trans-nasional yang menampilkan sistem budaya dan etika “*Rahmatan li'l-`Alamin*” (Membawa rahmat kepada seluruh alam) serta menjamin kedamaian sesama manusia, kerjasama dan keharmonian antar agama, bangsa dan budaya rantau ASEAN. Kegagalan negara-negara majoriti atau minoriti penduduk Muslim di rantau ASEAN dalam melahirkan struktur ketamadunan berjiwa *al-Wasatiyyah* itu merupakan satu lagi alasan kenapa harus dirancang bersama pembinaan semula tamadun Islam Nusantara yang sudah terpecah-pecah, tercemar dengan unsur-unsur sekularisasi dan Westernisasi, dan dilemahkan oleh budaya kemiskinan, perpecahan, kurang integriti, kurang mutu dan kurang keunggulan dalam banyak bidang, sehingga umat Islam terus menjadi umat yang lemah, umat konsumsi, bukan umat produktif, kreatif atau memimpin.

Justeru beberapa masalah besar umat Islam di Asia Tenggara perlu diberi perhatian dalam rangka merekonstruksikan “Tamadun Berjiwa Wasatiyyah” yang merangkumi, antara lain, isu-isu berikut:

- 1) Kemiskinan umat Islam di Indonesia, Malaysia, Mindanao, Patani, Kampuchea, Vietnam, Myanmar serta kemelantaran dan kesenjangan ekonomi intra-umat yang makin meluas.

- 2) Kelemahan dalam bidang pendidikan, terutama sains dan teknologi dikalangan umat Islam, terutama di negara-negara minoriti Islam. Masalah dilemma antara pembangunan sosio-ekonomi yang diperlukan dan kemodenan yang mengikis identiti keislaman.
- 3) Masih kekalnya sistem dualisme pendidikan agama Islam tradisional dan sekular, dan rendahnya mutu pendidikan agama di daerah-daerah minority Islam di Nusantara.
- 4) Gejala kemerosotan akhlak terutama dikalangan generasi muda Islam di kota-kota besar ASEAN yang semakin membimbangkan.
- 5) Arus budaya liberal dan hedonistik yang melanda daerah kota di Negara ASEAN.
- 6) Merebaknya usaha evangelisasi Kristiani dikalangan masyarakat Islam di Nusantara.
- 7) Gejala peningkatan jenayah dan penyalahgunaan dadah, minuman keras dan seks bebas.
- 8) Salah laku dan kehilangan adab dalam Internet, ruang siber dan media sosial yang menggalakkan gaya hidup bebas dan komunikasi tak beretika.
- 9) Media antarabangsa yang meluaskan imej negatif terhadap Islam dan sikap curiga dan skeptik terhadap umat Islam di negara-negara majoriti bukan Islam.
- 10) Krisis alam sekitar, pencemaran sungai, pemanasan global yang semakin meruncing.
- 11) Kepemimpinan politik, birokrasi dan ekonomi yang korup, penyalahgunaan kuasa dan budaya rasuah yang masih tebal di Nusantara.

Rantau ASEAN Dalam Realiti Geo-Politik Yang Baru: Prospek Ketidakstabilan dan Ketidaktentuan

Rantau ASEAN mempunyai banyak negara yang dianggap oleh dunia Barat sebagai sarat dengan budaya korupsi yang sudah lama tumbuh dan berkembang dalam sistem politik, ekonomi, perundangan, pentadbiran awam dan dunia bisnes. Merebaknya budaya penyalahgunaan dadah, hedonisme, hubungan seksual yang liberal dan banyak lagi penyakit-penyakit sosial akibat keruntuhan moral dikalangan generasi muda dikota-kota besar negara-negara ASEAN sudah menjadi perkara biasa. Polarisasi kaum dan antar agama juga menjadi landskap baru dalam dunia politik di Malaysia, Thailand, Filipina dan Kampuchea. Kewujudan kelompok-kelompok ekstremis Muslim, Buddhist, Kristian dan Hindu juga mengancam kestabilan politik dan agama di rantau ASEAN. Kewujudan kelompok-kelompok militan seperti “Abu Sayyaf”, “Jama`ah Islamiah” dan terkini kelompok “IS” disatu pihak dan fenomena “pembersihan ethnik” kaum Rohingya di Myanmar bakal menggagalkan usaha antarabangsa negara-negara kearah kewujudan rantau ASEAN yang damai, selamat dan stabil.

Kemunculan tren-tren pemikiran dan amalan keagamaan Muslim yang berteraskan faham-faham sekularisme, liberalisme, pluralisme, transcendentalisme, Syi`ah, Salafi, Qadianiah-Ahmadiyah, terutama di

Indonesia dan Malaysia, sedang menggugat tradisi orthodoxy Sunni yang sudah lama menjwai tamadun dan amalan agama Islam di Asia Tenggara. Kelahiran gerakan Jaringan Islam Liberal dan aliran pemikiran liberal lainnya di Indonesia dengan ide-ide yang bertentangan dengan sistem kepercayaan arus-perdana Islam menimbulkan tanda tanya tentang arah tuju pemikiran Islam masa depan Indonesia dan ciri tamadun Islam keIndonesiaan yang hendak dibangunkan dalam konteks budaya Bhinneka Tunggal Ika dan negara Pancasila itu.

Hubungan antara umat Islam dan Kristian semakin diancam oleh isu-isu sensitif kedua komunitas itu di Malaysia, dengan adanya sokongan antarabangsa yang kuat bagi pihak Kristian, dan berpecahnya umat Islam Malaysia dalam isu tersebut. Pemimpin-pemimpin negara di ASEAN menganjurkan supaya umat beragama masing-masing negara menghindarkan diri dari sikap yang cenderung menjadi ekstremis dengan mencari jalan moderasi (*moderation*), tetapi tafsiran makna dan implikasi pendirian moderasi itu sendiri berbeza-beza dan mungkin bercanggah antara satu sama lain.

Kebangkitan negara besar Cina sebagai gergasi ekonomi dunia; kegelisahan negara Jepun terhadap tindak tanduk dan strategi geopolitik Cina; kebimbangan negara-negara ASEAN tentang langkah-langkah unilateral Cina mengembangkan dan membesarkan daerah kekuatan ketenteraannya di Laut Cina Selatan; dan strategi Amerika Syarikat meluaskan pengaruh politik, tentera dan ekonominya ke rantau Asia Pasifik atas nama dasar “*Rebalance*” nya akan memberi kesan keatas percaturan politik di Asia Tenggara. Dalam percaturan geopolitik baru yang dinamik antara AS, negara-negara “BRIC” (Brazil, Russia, India, Cina), beberapa pertanyaan timbul: Bagaimanakah Islam dan umatnya di negara majoriti dan negara minoriti diperlakukan? Apakah ia akan terus menjadi mangsa kepada pertarungan gergasi-gergasi ekonomi dunia? Dengan adanya fenomena Islamophobia di Barat disatu pihak dan tren militansi kelompok-kelompok ekstremis Muslim di pihak yang lain, bagaimanakah umat Islam minoriti di Myanmar, Thailand, Filipina, Kampuchea dan Singapura akan diperlakukan dalam rangka pembentukan Komuniti ASEAN diakhir tahun 2015?

Berpandukan ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY BLUEPRINT, pemimpin-pemimpin negara ASEAN telah bersetuju hendak mewujudkan sebuah Komuniti ASEAN pada akhir tahun 2015 (lihat www.asean.org dan LAMPIRAN 1). ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) itu akan didirikan diatas tiga tiang, iaitu politik, ekonomi dan keselamatan serantau. Blueprint itu menyatakan bahawa tujuan dan ciri-ciri pokok ASCC ialah seperti berikut:

1. The primary goal of the ASCC is to contribute to realising an ASEAN Community that is people-centred and socially responsible with a view to achieving enduring solidarity and unity among the nations and peoples of ASEAN by forging a common identity and building a caring and sharing society which is inclusive and harmonious where the well-being, livelihood, and welfare of the peoples are enhanced.
2. The ASCC will address the region’s aspiration to lift the quality of life of its peoples through cooperative activities that are people-oriented and environmentally friendly geared towards the

- promotion of sustainable development. The ASCC shall contribute to building a strong foundation for greater understanding, good neighbourliness, and a shared sense of responsibility.
3. The ASCC is characterised by a culture of regional resilience, adherence to agreed principles, spirit of cooperation, collective responsibility, to promote human and social development, respect for fundamental freedoms, gender equality, the promotion and protection of human rights and the promotion of social justice.
 4. The ASCC shall respect the different cultures, languages, and religions of the peoples of ASEAN emphasise their common values in the spirit of unity in diversity and adapt them to present realities, opportunities and challenges.
 5. The ASCC will also focus on the social dimension of Narrowing the Development Gap (NDG) towards bridging the development gap among Member States.
 6. Based on the above, the ASCC envisages the following characteristics: (a) Human Development; (b) Social Welfare and Protection; (c) Social Justice and Rights; (d) Ensuring Environmental Sustainability (e) Building the ASEAN Identity; and (f) Narrowing the Development Gap.”

Dengan wujudnya nanti Komuniti ASEAN ini, tentunya setelah ia melalui proses persediaan dan persetujuan bersama dalam isu-isu teknikal dan perundangan yang bakal mengambil waktu, apakah ia akan membuka luas peluang baru bagi pemimpin umat Islam Nusantara untuk membina Tamadun Wasatiyyah yang akan membawa kebaikan bukan saja kepada umat Islam tetapi juga kepada umat bukan beragama Islam? Atau mungkinkah nilai-nilai sekular, pragmatik dan kebendaan, liberalistic dan pluralistik, akan menjadi lebih kuat lebih bersatu dan lebih agresif? Mampukah negara Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam membela nasib umat Islam minoriti di negara-negara tersebut dalam Komuniti ASEAN itu? Akan selamatkah negara-negara ASEAN dari fenomena keganasan atau terorisme keagamaan dan politik? Apakah akan jadi kepada potensi ketamadunan umat Islam yang kolistik, berimbang dan bersifat pro-kedamaian, toleran, dan bertatasusila itu dibawah tekanan-tekanan politik, keagamaan dan ekonomi kuasa-kuasa luar ASEAN. Antara tantangan-tantangan itu ialah:

1. Tekanan geopolitik dan kepentingan ekonomi keatas negara-negara ASEAN dari persaingan kuasa-kuasa besar di kawasan pertumbuhan ekonomi baru di Asia-Pasifik : Amerika Syarikat, Rusia, Cina, India dan Jepun.
2. Tekanan dari faham-faham dan gerakan Sekularisasi, Liberalisasi , Kesamarataan Agama dan Feminisme Sekular di Indonesia dan Malaysia.
3. Sentimen nasionalisme radikal, dan chauvanisme kaum yang mensasarkan umat Islam.
4. Aliran-aliran agama yang sesat, radikal, ekstrim, militant dan agresif dalam usaha menyebar luaskan pengaruh masing-masing.
5. Tekanan majoriti bukan Islam keatas komuniti Islam minoriti supaya menerima dasar asimilasi bukan integrasi.

6. Islamaphobia dan prejudis luaran dan dalaman terhadap faham Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh (*Kaffah, Syumul*) yang, antara lain, menyatukan Islam dan pemerintahan dan ingin mengamalkan tuntutan Syari'ah secara lebih meluas. (Lihat *PEW Forum on Religion and Public Life* yang baru menyiarkan kajian global mereka tahun 2013 tentang pandangan umat islam sedunia mengenai agama, syari'ah dll. www.pewforum.org.)

Tantangan-tantangan dari realiti geopolitik, kepentingan ekonomi kuasa-kuasa besar, fanatisme agama atau ethnik yang menasarkankan umat Islam, tekanan dunia liberalisme, sekularisme, pluralisme dan aliran-aliran sektarianisme dalaman yang tersebut diatas menuntut supaya semangat ukhuwwah dan solidariti ummatik masyarakat Islam di negara-negara ASEAN dipertingkatkan sebagai satu daripada asas-asas pembinaan Tamadaun Wasatiyyah rantau ASEAN. Pemimpin politik, cendekiawan beragama Islam dan golongan professional beragama Islam di negara-negara ASEAN perlu diperingatkan tentang pri pentingnya konsepsi orang Islam hidup dalam satu ikatan *Ummah* dan *Ukhuwwah Islamiyyah* yang universal dan *transcendant* kerana konsep-konsep sosial tersebut tidak mendapat tempat yang sewajarnya dalam proses pembelajaran agama Islam, dan kebangkitan negara nasional serta semangat nasionalisme dan patriotisme berjaya mendangkalkan atau mengikis semangat dan keyakinan ber*Ummah*.

Ikatan Kesatuan Akidah Tauhid Sebagai Asas Penyatuan Ummah Dan Rekonstruksi Tamadun Berjiwa Wasatiyyah Rantau ASEAN

Dari pandangan semesta Islam yang menyatukan itu umat Islam di Nusantara diperkenalkan pelajaran agama Tauhid yang mempunyai kandungan doktrinal, peribadatan, perundangan dan hukum yang seragam, yakni bersandarkan theology, epistemologi dan etika Sunni. Perintah-perintah Ilahi berkaitan persaudaraan dan kerjasama antara umat Islam yang terdiri dari pelbagai kaum dan bangsa juga disebar luaskan. Antara doktrin, prinsip dan perintah agama berkaitan kehidupan kemasyarakatan yang pokok bagi orang-orang yang beriman kepada Allah (SWT) dan Nabi Muhammad (SAW), termasuk konsep *Ummah Wasat* dan *Khair Ummah*, ialah:

1. KEPELBAGAIAN KAUM DAN BANGSA IALAH UNTUK TUJUAN TA'ARUF ANTARA MANUSIA DAN BANGSA, MENUJU KEHIDUPAN KEBERSAMAAN DALAM MANA KEMULIAAN INSAN BUKAN DITENTUKAN OLEH WARNA KULIT, PANGKAT, KEKAYAAN ATAU KUASA, TETAPI TAHAP KETAKWAAN KEPADA ALLAH (SWT).

لِتَعَارَفُوا وَقَبَائِلَ شُعُوبًا وَجَعَلْنَاكُمْ وَأَنْتَى ذَكَرٍ مِّنْ خَلْقِنَاكُمْ إِنَّا النَّاسُ أُيُّهَا يَا

خَبِيرٌ عَلِيمٌ اللَّهُ إِنَّ أَنْفَاكُمْ اللَّهُ عِنْدَ أَكْرَمَكُمْ إِنَّ

“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal.

Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengetahui.” (AL-HUJURAT 49:13)

2. PENGIKUT NABI MUHAMMAD (SAW) DITENTUKAN OLEH ALLAH (SWT) SEBAGAI UMAT PALING ADIL, PALING BAIK DAN BERSEIMBANG UNTUK MENJADI CONTOH TAULADAN KEPADA MANUSIA SELURUHNYA.

الرَّسُولَ يَتَّبِعُ مَنْ لَعَلَّكُمْ لِيُصِيبَ اللَّهُ كَانَتْ عَلَى الْكَبِيرَةِ كَانَتْ وَإِنْ عَقِبِيهِ عَلَى يَنْقَلِبُ مِمَّنْ

"Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia." (AL-BAQARAH 2: 143)

3. UMAT ISLAM HARUS MENJALANKAN DAKWAH UNTUK MENEGAKKAN AL-MA'RUF DAN MENCEGAH AL-MUNKAR.

ن بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ وَأَنْتُمْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung." (AL IMRAN 3:104)

4. UMAT ISLAM DIPERINTAH OLEH ALLAH (SWT) SUPAYA BERPEGANG TEGUH DENGAN PETUNJUK ILAHI ATAU AL-QUR'AN DAN BERSATU ATAS IKATAN IMAN. MEREKA DILARANG BERPECAH.

لِي شَفَا حُفْرَةٍ مِّنْ عَمَةِ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَوَاغِتْصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نَارَ فَانفَدَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliah) bermusuh musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu karena nikmat Allah orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk." (AL IMRAN 3:103)

5. ORANG MUKMIN ADALAH BERSAUDARA DAN MESTI MEMPERBAIKI KEADAAN ANTARA MEREKA BERDASARKAN KETAKWAAN KEPADA ALLAH SWT.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

“Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara karena itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.” (AL-HUJURAT 49:10)

(8:2) يَتَوَكَّلُونَ رَبَّهُمْ لِمَا وَعَدَ إِيْمَانًا زَادَتْهُمْ آيَاتُهُ عَلَيْهِمْ تَلَيَّتْ وَإِذَا قُلُوبُهُمْ وَجِلَّتْ لَِ اللَّهِ ذُكْرَ إِذَا الَّذِينَ الْمُؤْمِنُونَ إِنَّمَا

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya bertambahlah iman mereka (karenanya) dan kepada Tuhan-lah mereka bertawakal.” (AL-ANFAL 8: 2)

يُؤْمِنُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ سَبْرًا

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan mereka taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.” (AL-TAUBAH 9:71)

مُ يَزْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.” (AL-HUJURAT 49: 15)

شَيْءٍ مِنْ تَنْفَقُوا وَمَا يَعْلَمُهُمُ اللَّهُ تَعْلَمُونَهُمْ لَا مُدُونِهِ مِنْ وَآخِرِينَ وَعَدُوَكُمْ اللَّهُ عَدُوٌّ بِهِ تُرْهِبُونَ الْخَيْلِ رِبَاطٍ وَمِنْ قُوَّةٍ مَنْ اسْتَمْتَعْتُمْ مَا لَهُمْ وَأَعْدُوا تُظَلَّمُونَ لَا وَأَنْتُمْ إِلَيْكُمْ يُؤْفَ اللَّهُ سَبِيلٍ فِي

"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah niscaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya (dirugikan)." (AL-ANFAL 8: 60)

الْهَوَى تَتَّبِعُوا فَلَا مَآبٍ أُولَى فَاللَّهُ فَقِيرًا أَوْ غَنِيًّا يَكُنْ إِنْ وَالْأَقْرَبِينَ الْوَالِدِينَ أَوْ أَنْفُسِكُمْ عَلَى وَلَوْ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقَسْطِ قَوَامِينَ كُونُوا آمَنُوا الَّذِينَ أَيُّهَا يَا خَبِيرًا تَعْمَلُونَ بِمَا كَانَ اللَّهُ فَإِنَّ تُعْرَضُوا أَوْ تَلُؤُوا وَإِنْ تَعْدَلُوا أَنْ

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi karena Allah biar pun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya atau pun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu karena ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.” (AL-NISA’ 4:135)

لَبِيتَ الْحَرَامَ بِنِعْمَتِ رَبِّهِمْ فَضَلًا مِّنْ رَبِّهِمْ وَرِحْوَانًا وَإِذَا حَلَلْتُمْ وَأَنتُمْ عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا فِى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ
أَعْلَىٰ الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syi'ar-syiar Allah, dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram, jangan (mengganggu) binatang-binatang had-ya, dan binatang-binatang qalaa-id, dan jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari karunia dan keridaan dari Tuhannya dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah berburu. Dan janganlah sekali-kali kebencian (mu) kepada sesuatu kaum karena mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidilharam, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.” (AL-MAIDAH 5:2)

بِالْمُهْتَدِينَ أَعْلَمَ وَهُوَ سَبِيلُهُ عَنِ ضَلَالٍ بِمَنْ أَعْلَمَ هُوَ رَبُّكَ إِنَّ أَحْسَنَ هِيَ بِالتِّي وَجَادِلُهُمُ الْحَسَنَةَ وَالْمَوْعِظَةَ بِالْحِكْمَةِ رَبِّكَ سَبِيلٌ إِلَىٰ ادْعُ

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.” (AL-NAHL 16: 125)

6. ORANG ISLAM HARUS HIDUP DENGAN ORANG LAIN DALAM KEAMANAN DAN KEDAMAIAN, TETAPI SEKIRANYA MEREKA DIPERANGI, ATAU HAK MEREKA DICEROBOHI ATAU MEREKA DITINDAS DENGAN KEKERASAN ATAU KEZALIMAN, MEREKA DIBENARKAN MEMBELA DIRI DAN MELAKUKAN TINDAKAN YANG SERUPA.

لَقَدِيرٌ نَّصْرِهِمْ عَلَى اللَّهِ وَإِنَّ ظَلَمُوا بِأَنَّهُمْ يُفَاتِلُونَ لِلَّذِينَ أُذِنَ

“Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, karena sesungguhnya mereka telah dianiaya. Dan sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa menolong mereka itu.” (AL-HAJJ 22:39)

الْمُظْلَمِينَ يُحِبُّ اللَّهُ إِنَّ إِلَيْهِمْ سَطُورُ تَبَرُّوهُمْ أَنْ دِيَارَكُمْ مِّنْ يُخْرِجُكُمْ وَلَمْ الدِّينِ فِي يُقَاتِلُوكُمْ لَمْ الدِّينِ عَنِ اللَّهِ يَنْهَأَكُمْ لَا

“Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu karena agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.” (AL-MUMTAHINAH 60 : 8)

الظَّالِمُونَ هُمْ فَأُولَٰئِكَ يَتَوَلَّوهُمْ وَمَنْ تَوَلَّوْهُمْ أَنْ إِخْرَاجَكُمْ عَلَىٰ وَظَاهَرُوا دِيَارَكُمْ مِّنْ وَأَخْرَجُوكُمُ الدِّينِ فِي قَاتِلُوكُمُ الدِّينِ عَنِ اللَّهِ يَنْهَأَكُمْ إِنَّمَا

“Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangi kamu karena agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan

barang siapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang lalim.” (AL-MUMTAHINAH 60 : 9)\


الْعَلِيمُ السَّمِيعُ هُوَ إِنَّهُ اللَّهُ عَلَىٰ وَتَوَكَّلْ لَهَا فَاجْتَنِبْ لِلْسَّلَامِ جَنَحُوا وَإِنْ

Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” (AL-ANFAL 8: 61)

Implikasi Konsep dan Missi Al-Wasatiyyah Keatas Individu, Keluarga, Masyarakat Dan Negara Orang Islam

Konsep *al-Wasatiyyah* merujuk kepada sifat dan mutu umat Islam yang adil, terbaik dan berkeimbangan yang telah dianugerahkan Allah (SWT) hanya kepada umat Nabi Muhammad (S. A.W).

Sumber utama darimana munculnya konsep *al-Wasatiyyah* ialah dua ayat al-Qur'an, yang pertama iaitu Surah al-Baqarah 2, ayat 143 yang sudah pun disebut diatas, dan yang kedua ialah ayat berikut:



Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) diantara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik. (Surah Al`Imran: 110)

Ciri “SEBAIK-BAIK UMAT YANG DIKELUARKAN UNTUK MANUSIA” (*Khaira Ummah ukhrijat li'n-Nas*) yang diterangkan dalam 3: 110 dan “UMAT YANG ADIL, CEMERLANG DAN BERKESEIMBANGAN” (*Ummatan Wasatan*) dalam 2: 143 tergabung dalam makna *al-Wasatiyyah* yang

bukan sahaja merangkumi maksud keadilan, kebaikan/kecemerlangan dan keseimbangan, tetapi juga ketauladanan, kepemimpinan, kekuatan dan kedudukan pada titik tengah yang menghindari kecenderungan kearah dua arah yang melampau, seperti keduniaan yang melupai kepentingan kehidupan kerohanian, atau kerohanian yang melupai kepentingan keduniaan. Dalam bahasa Inggeris ayat 2: 143 di atas diterjemahkan oleh Muhammad Asad seperti berikut:

And thus have we willed you to be a community of the middle way¹¹⁸, so that [with your lives] you might bear witness to the truth before all mankind, and that the Apostle might bear witness to it before you.¹¹⁹ (Al-Baqarah 2:143).

Tafsiran beliau tentang “*ummatan wasatan*” ialah seperti berikut:

[118] Lit., "middlemost community" - i.e., a community that keeps an equitable balance between extremes and is realistic in its appreciation of man's nature and possibilities, rejecting both licentiousness and exaggerated asceticism. In tune with its oft-repeated call to moderation in every aspect of life, the Qurán exhorts the believers not to place too great an emphasis on the physical and material aspects of their lives, but postulates, at the same time, that man's urges and desires relating to this "life of the flesh" are God-willed and, therefore, legitimate. On further analysis, the expression "a community of the middle way" might be said to summarize, as it were, the Islamic attitude towards the problem of man's existence as such: a denial of the view that there is an inherent conflict between the spirit and the flesh, and a bold affirmation of the natural, God-willed unity in this twofold aspect of human life. This balanced attitude, peculiar to Islam, flows directly from the concept of God's oneness and, hence, of the unity of purpose underlying all His creation: and thus, the mention of the "community of the middle way" at this place is a fitting introduction to the theme of the Ka'bah, a symbol of God's oneness.

[119] I.e., "that your way of life be an example to all mankind, just as the Apostle is an example to you." (Muhammad Asad, *The Message of the Qur'an* 1980: 30. Untuk mendapat penjelasan yang panjang lebar tentang ayat ini, sila lihat *Tafsir al-Razi* yang terkenal dengan *al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*, Jld. 3 (1405/1985): 106-115)

Penjelasan tentang kedudukan umat Muhammad (SAW) sebagai umat yang berada di titik tengah diantara sifat keduniaan agama Yahudi dan sifat kerohanian agama Nasrani boleh dibaca dalam *Tafsir Al-Azhar* karangan Professor HAMKA seperti berikut:

Dan ada dua ummat yang datang sebelum ummat Muhammad, yaitu ummat Yahudi dan ummat Nasrani. Terkenallah di dalam riwayat perjalanan ummat ummat itu bahwasanya ummat Yahudi terlalu condong kepada dunia, kepada benda dan harta. Sehingga di dalam catatan kitab Suci mereka sendiri, kurang sekali diceritakan dari hal soal akhirat. Lantaran itulah maka sampai ada di antara mereka yang berkata bahwa kalau mereka masuk neraka kelak, hanyalah beberapa hari saja, tidak akan lama.

Sebaliknya dari itu adalah ajaran Nasrani yang lebih mementingkan akhirat saja, meninggalkan segala macam kemegahan dunia, sampai mendirikan biara-biara tempat bertapa, dan menganjurkan pendeta-pendeta supaya tidak kawin. Tetapi

kehidupan rohani yang sangat mendalam ini akhirnya hanya dapat dituruti oleh golongan yang terbatas, ataupun dilanggar oleh yang telah menempuhnya, sebab berlawanan dengan tabiat kejadian manusia. Terutama setelah agama ini dipeluk oleh bangsa Romawi dan diakui menjadi agama kerajaan.

Sampai kepada zaman kita inipun dapatlah kita rasakan betapa sikap hidup orang Yahudi. Apabila disebut Yahudi, teringatlah kita kepada kekayaan benda yang berlimpah-limpah, menternakkan uang dan memakan riba. Dan bila kita baca pelajaran asli Kristen, sebelum dia berkecimpung ke dalam politik kekuasaan, akan kita dapatlah ajaran Almasih yang mengatakan bahwasanya orang kaya tidak bisa masuk ke dalam syurga, sebagaimana tidak bisa masuk seekor unta ke dalam liang jarum.

Maka sekarang datanglah ayat ini memperingatkan kembali ummat Muhammad bahwa mereka adalah suatu ummat yang di tengah, menempuh jalan lurus; bukan terpaku kepada dunia sehingga diperhamba oleh benda dan materi, walaupun dengan demikian akan menghisap darah sesama manusia. Dan bukan pula hanya semata-mata mementingkan rohani, sehingga tidak bisa dijalankan, sebab tubuh kita masih hidup. Islam datang mempertemukan kembali di antara kedua jalan hidup itu. Di dalam ibadat shalat mulai jelas pertemuan di antara keduanya itu; shalat dikerjakan dengan badan, melakukan berdiri ruku` dan sujud, tetapi semuanya itu hendaklah dengan hati yang khusyu.

Nampak pula dalam peraturan zakat harta benda. Orang baru dapai berzakat apabila dia kaya raya, cukup harta menurut bilangan nisab. Dan bila datang waktunya hendaklah dibayarkan kepada fakir-miskin. Artinya, carilah harta benda dunia ini sebanyak-banyaknya, dan kemudian berikanlah sebahagian daripadanya untuk menegakkan amal dan ibadat kepada Allah dan untuk membantu orang yang patut dibantu.

Nampak pula pada peraturan di hari Jum'at. Di hari itu dari pagi bolehlah bekerja keras mencari rezeki, berniaga dan bertani dan lain-lain, tetapi setelah datang seruan Jum'at hendaklah segera berangkat menuju tempat shalat, untuk menyebut dan mengingat Allah. Dan setelah selesai shalat, segeralah keluar dari mesjid untuk bekerja dan bergiat lagi.

Ini menunjukkan jalan tengah di antara tiga agama yang serumpun. Dalam pada itu secara luas dapat pula kita tilik pandangan hidup barat yang - dipelopori oleh alam fikiran Yunani yang lebih mementingkan fikiran (filsafat), dan alam fikiran yang dipelopori oleh India purba yang memandang bahwa dunia ini adalah maya semata-mata, atau khayal. Sejak dari ajaran Upanisad sampai kepada ajaran Veda, dari Persia dan India, disambung lagi dengan ajaran Budha Gautama, semua lebih mementingkan kebersihan jiwa, sehingga jasmani dipandang sebagai jasmani yang menyusahkan.

Bangkitnya Nabi Muhammad s.a.w. di padang pasir Arabia itu, adalah membawa ajaran bagi membangunkan ummatan wasathan, suatu ummat yang menempuh jalan tengah, menerima hidup di dalam kenyataannya. Percaya kepada akhirat, lalu beramal di dalam dunia ini. Mencari kekayaan untuk membela keadilan,

mementingkan kesihatan rohani dan jasmani, karena kesihatan yang satu bertalian dengan yang lain. Mementingkan kecerdasan fikiran, tetapi dengan menguatkan ibadat untuk menghaluskan perasaan. Mencari kekayaan sebanyak-banyaknya, karena kekayaan adalah alat untuk berbuat baik. Menjadi Khalifah Allah di atas bumi, untuk bekal menuju akhirat. Karena kelak akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah.

Selama ummat ini masih menempuh Shiratal-Mustaqim, jalan yang lurus itu, selama itu pula mereka akan tetap menjadi ummat jalan tengah.

Maka berkata ayat selanjutnya:

لَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ

"Supaya kamu menjadi saksi-saksi atas manusia. "

Menurut Imam az-Zamakhsyari di dalam tafsirnya al-Kasysyaf, ummat Muhammad sebagai ummat yang jalan tengah, akan menjadi saksi atas ummat Nabi-nabi yang lain tentang kebenaran risalah Rasul-rasul yang telah disampaikan kepada ummat mereka masing-masing.

Dan berkata lanjutan ayat:

وَ يَكُونُ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

"Dan adalah Rasul menjadi saksi (pula) atas kamu."

Yaitu Rasul itu Nabi Muhammad s.a.w. menjadi saksi pula di hadapan Tuhan kelak, sudahkah mereka menjalankan tugas mereka sebagai ummat yang menempuh jalan tengah, adakah kamu jalankan tugas kamu itu dengan baik, atukah kamu campur-adukkan sajakah di antara yang hak dengan yang batil, sebab sifat tengahmu itu telah hilang.

Ummat Muhammad menjadi ummat tengah dan menjadi saksi untuk ummat yang lain, dan Nabi Muhammad s.a.w. menjadi saksi, pula atas ummatnya itu adakah mereka jalankan pula tugas yang berat tetapi suci ini dengan baik ?

Maka setelah diketahui latar-belakang ini, mudahlah bagi orang yang berfikir mendalam apa sebab kiblat dialih. Peralihan kiblat bukanlah sebab, dia hanya akibat saja dalam hal membangunkan ummat yang baru, ummatan wasathan. Setelah itu, sebagai lanjutan dari ayat, Tuhan terangkanlah tentang maksud peralihan kiblat di dalam membangun ummatan wasathan; (Dirujuk pada 31 Disember 2013 daripada http://kongaji.tripod.com/myfile/al-baqoroh_ayat_142-143.htm,)

Makna yang luas dan menyeluruh tentang konsepsi dan missi *Ummah Wasat* ini diterangkan oleh Sayyid Qutb dalam *Fi Dhilal al-Qur'an* dengan panjang lebar seperti berikut:

Iaitu umat Muslimin *adalah umat yang adil* yang menjadi saksi terhadap seluruh umat manusia dan menegakkan keadilan di antara mereka, menetapkan neraca-neraca pertimbangan dan nilai-nilai, memberi fikiran dan pandangan yang muktamad kepada mereka, menimbangkan nilai-nilai, pemikiran-pemikiran, kefahaman-kefahaman mereka, adat-adat resam dan lambang-lambang mereka dan memberi keputusan-keputusan kepada mereka dengan mengatakan ini benar dan itu tidak benar, bukannya fikiran-fikiran, nilai-nilai, neraca-neraca dan ukuran-ukuran yang diterima dari manusia.

Mereka menjadi saksi terhadap seluruh umat manusia dan mempunyai kedudukan sebagai hakim yang adil kepada mereka. Sementara umat Muslimin menjadi saksi terhadap umat manusia, maka Rasulullah SAW pula menjadi saksi terhadap mereka, bagindalah yang menetapkan neraca-neraca, ukuran-ukuran dan nilai-nilai mereka dan bagindalah yang menilai amalan-amalan dan adat resam mereka dan menimbangkan segala perbuatan mereka yang terbit dari mereka dengan memberi kata-kata pemutus terhadapnya.

Dengan ini hakikat dan fungsi umat Muslimin sentiasa diperbaharui agar hakikat dan fungsi ini diketahui mereka, dan agar mereka sedar betapa besarnya tugas mereka, dan seterusnya agar mereka dapat menilai peranan mereka dengan penilaian yang sebenar dan membuat persediaan yang wajar untuknya. Umat Muslimin adalah umat yang adil dalam segala erti keadilan sama ada keadilan dengan erti kebaikan dan kelebihan dan dengan erti kesederhanaan atau dengan ertinya yang fizikal, iaitu duduk di tengah-tengah.

Mereka adalah satu *umat yang adil* dari segi kefahaman dan kepercayaan. Mereka tidak melampau-lampau dalam kemurnian rohani dan tidak pula melampau di dalam kebendaan, mereka mengikut fitrah semulajadi yang diwakili oleh roh yang disalut dengan jasad atau oleh jasad yang disalut oleh roh. Mereka memberi kepada diri mereka yang mempunyai dua tenaga itu haknya yang sempurna dengan bekalan masing-masing. Mereka bekerja untuk memaju dan meningkatkan hayat dan kelanjutannya. Mereka melepaskan segala kegiatan di dalam perasaan dan keinginan tanpa keterlaluan, malah secara sederhana dan selaras.

Mereka adalah satu *umat yang adil* dari segi pemikiran dan perasaan. Mereka tidak membeku dengan pengetahuan-pengetahuan yang diketahui mereka dan menutup segala pintu ujian dan ilmu pengetahuan yang lain. Mereka tidak terikut-ikut kepada setiap penyeru dan meniru orang lain seperti buruk yang lucu, malah mereka berpegang teguh dengan kefahaman-kefahaman, cara-cara dan dasar-dasar berfikir yang ada pada mereka. Mereka mengkaji dengan teliti segala hasil pemikiran dan ujian. Cogan kata mereka yang kekal ialah "*hakikat itu barang hilang orang Mukmin, di mana sahaja mereka temui hakikat itu mereka akan mengambilnya dengan penuh keyakinan.*"

Mereka adalah satu *umat yang adil* dari segi penyusunan dan penyelarasan. Mereka tidak membiarkan seluruh hidup ini kepada perasaan dan hati manusia sahaja dan tidak pula membiarkannya kepada kuasa undang-undang dan hukuman sahaja, malah mereka meningkatkan hati nurani manusia dengan bimbingan dan pendidikan, dan menjaga kesejahteraan masyarakat dengan undang-undang. Mereka tidak menyerahkan manusia kepada kekuasaan dan hukuman pemerintah dan tidak pula menyerah mereka kepada ilham hati nurani semata-mata malah mereka mencampurkan di antara keduanya.

Mereka adalah satu *umat yang adil* dari segi pertalian-pertalian dan hubungan-hubungan. Mereka tidak mengabaikan sakhshiah individu dan nilai-nilainya dan tidak pula menghapuskan sakhshiah

individu di dalam sakhshiah kelompok atau negara. Mereka tidak menjadikan individu itu bebas lepas, mementingkan diri sendiri, tamak haloba dan menjaga faedah diri sendiri sahaja, malah mereka membebaskan motif-motif dan tenaga-tenaga manusia sekadar yang boleh membawa manusia kepada harakat-harakat kemajuan dan kesuburan, dan membebaskan keinginan-keinginan dan ciri-ciri manusia sekadar yang boleh menegakkan sakhshiah individu dan kewujudannya, kemudian mereka memasang pengawal-pengawal yang dapat menghalangkan keterlaluan dan memberi motivasi-motivasi yang boleh menggalakkan individu untuk berkhidmat kepada masyarakat. Mereka menetapkan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang dapat menjadikan individu berkhidmat kepada masyarakat dan masyarakat berkhidmat kepada individu dalam satu bentuk hubungan yang selaras dan harmoni.

Mereka adalah satu *umat yang adil* dari segi tempat, mereka mendiami kawasan-kawasan pusat dan tengah-tengah bumi. Sehingga ke saat ini, umat yang mendiami di bumi yang diselubungi nur Islam ialah umat yang mendiami di kawasan-kawasan di tengah bumi di antara timur dan barat dan di antara selatan dan utara. Dengan kedudukan yang sedemikian umat Islam masih menjadikan diri mereka sebagai saksi terhadap seluruh manusia. Mereka memberi apa yang ada pada mereka kepada seluruh penduduk bumi dan dengan perantaraan mereka dipindahkan hasil-hasil alam dan hasil-hasil rohani dan pemikiran dari satu tempat ke satu tempat. Merekalah yang memegang teraju pergerakan ini dengan baik dari segi kebendaannya mahupun dari segi kerohaniannya.

Mereka adalah satu *umat yang pertengahan* dari segi zaman. Kelahiran mereka menamatkan zaman kebudakan manusia sebelumnya dan selepas itu merekalah yang menjadi pegawai zaman kematangan akal manusia. Mereka berada di pertengahan zaman, di mana mereka membersihkan umat manusia dari kepercayaan yang karut dan khurafat yang masih terlekat pada mereka sejak dari zaman kebudakan mereka. Merekalah yang menghalang umat manusia dari tersesat dengan akal dan hawa nafsu mereka. Merekalah yang mengahwinkan di antara warisan rohani dari zaman-zaman para rasul dengan hasil-hasil pencapaian akal manusia yang terus berkembang subur itu. Merekalah yang dapat membimbing umat manusia ke jalan yang lurus di antara warisan rohani dan pencapaian akal.

Tiada yang dapat menghalang umat Muslimin hari ini dari mengambil tempat mereka yang sebenar yang telah dikurniakan Allah SWT kepada mereka selain dari (kesalahan) kerana mereka telah meninggalkan sistem hidup Allah SWT yang telah dipilih untuk mereka dan kerana mereka telah memilih berbagai-bagai sistem hidup yang lain yang tidak dipilih Allah SWT untuk mereka, dan mereka telah mencelupkan diri mereka dengan berbagai-bagai celupan yang lain yang bukan dari celupan syariat Allah SWT, sedangkan Allah SWT mahukan mereka mencelupkan diri mereka dengan celupan syariat Allah SWT sahaja.

Umat Islam yang mempunyai fungsi dan peranan yang sedemikian besar seharusnya sanggup memikul tanggungjawab itu dan berkorban untuknya, kerana kepimpinan itu mempunyai kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawabnya. Mereka pastilah sanggup diuji sebelum memegang tanggungjawab itu agar dapat dipastikan bahawa mereka benar-benar ikhlas kepada Allah SWT dan benar-benar bersedia untuk memberi kepatuhan yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan yang betul.

Ayat berikut menjelaskan kepada mereka hikmat Allah SWT memilih kiblat yang telah dihadapi mereka itu apabila mereka kini dipalingkan semula darinya.

“Supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang akan menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) supaya Muhammad menjadi saksi kepada sekalian ummah pada hari kiamat.”

Imam al-Nasafi *menaqalkan* pendapat Syeikh Abu Mansur yang berkata: Ayat ini menunjukkan *ijma'* (iaitu kesepakatan ulama' di kalangan umat Muhammad dalam perkara agama pada salah satu masa selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW) sebagai hujah kerana Allah SWT sifatkan umat ini dengan keadilan dan orang yang adil sahaja yang berhak untuk menjadi saksi dan diterimanya, apabila mereka bersepakat atas sesuatu dan menjadi saksi dengannya, maka wajiblah diterimanya.

Terdapat tiga pandangan berkenaan dengan penyaksian.

- i. Dengan amalan mereka. Inilah pendapat Ibn `Abbas, Abu Sa`id al-Khudri dan Ibn Zaid.
- ii. Dengan menyampaikan risalah mereka. Inilah pendapat Qatadah dan Muqatil.
- iii. Dengan iman mereka. Inilah pendapat Abu al-`Aliyah.

Dan tiadalah kami jadikan kiblat yang mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), iaitu sekali-kali kami tidak perintah kamu tawajjuh dengan Bait al-Maqdis, kemudian Kami palingkan kamu ke Ka'bah.

Daripada ayat ini ternyata dengan jelas bagaimana cara didikan Rabbani yang diatur oleh Allah SWT terhadap kelompok Muslim yang baru itu, iaitu kelompok yang dikehendaki Allah SWT supaya menjadi pewaris agama Allah SWT dan pemerintah yang memerintah bumi di bawah panji-panji agama Allah SWT. Allah SWT mahukan kelompok ini taat dengan ikhlas kepadanya. Allah SWT mahukan mereka membersihkan diri dari segala kelodak jahiliah dan hubungan-hubungannya, juga membersihkan diri dari sifat-sifat jahiliah yang lapuk dan keinginan-keinginan yang terpendam. Allah SWT mahukan mereka menyematkan lambang Islam sahaja di hati mereka dan tidak mencampur-adukkan dengan lambang-lambang yang lain dan Allah SWT mahukan mereka mengikut perintah dari satu sumber sahaja dan tidak dikongsikan oleh mana-mana sumber yang lain.

(Dr Zulkifli Al-Bakri dalam [http, “Tafsir Konsep Wasatiyyah”](http://www.wasatiyyah.my/?p=548) dalam (://www.wasatiyyah.my/?p=548), dirujuk 27 Disember 2013)

Pengertian konsepsi dan missi *al-Wasatiyyah* yang komprehensif dan holistik seperti yang diuraikan oleh ulama-ulama tafsir dan pemikir-pemikir Islam masa kini (Lihat LAMPIRAN 2) amat diperlukan supaya masyarakat Islam dan bukan Islam dapat faham bahawa missi dan makna *al-Wasatiyyah* tidak hanya bermaksud sikap atau amalan agama yang tidak melampau atau bersifat ekstrim, walaupun sifat sedemikian sangat diperlukan dalam konteks umat Islam dan dunia masa kini sedang berhadapan dengan ancaman

ekstremisme agama yang mengancam keharmonian dan kestabilan dalam negara-negara di Barat dan di Timur.

Berhadapan dengan ancaman ekstremisme agama dan ethnic, pemimpin-pemimpin negara dirantau ASEAN, termasuk Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Indonesia sedang mempereratkan kerjasama seranatu untuk menjaga keselamatan dan keharmonian negara masing-masing dari ancaman kelompok ISIL (“Islamic State of Iraq and Levant”) atau JI (“Jama`ah Islamiyah”). Konsep “Moderation” – dengan pengertian-pengertian yang berbeza-beza - sudah pun di sebar-luaskan oleh pemimpin-pemimpin negara Malaysia, Indonesia dan lain-lain. Memang wajar di bangkit kesedaran rakyat tentang perlunya sikap dan sifat “moderation” diamalkan, tetapi konsepsi dan missi *al-Wasatiyyah* dalam al-Qur’an tidak terbatas kepada sifat anti ekstremisme agama semata-mata, biar pun sifat itu amat diperlukan dalam zaman yang dipenuhi oleh fenomena keganasan dan keta`assuban yang berkaitan dengan fahaman atau ideologi-ideologi yang bertentangan dengan ajaran arus perdana umat Islam.

Implikasi keatas reformasi sistem pendidikan umat Islam – sama ada yang bersifat formal, tak formal dan informal – amat besar. Antara tujuan terpenting sistem itu ialah pembentukun generasi mudanya yang menghayati sifat-sifat dan ciri-ciri *al-Wasatiyyah* yang merupakan gabungan tiga sifat unggul, iaitu: keadilan, kebaikan atau kecemerlangan dan keseimbangan atau pertengahan. Memang sudah banyak terdapat *mission statement* yang baik-baik – seperti “ingin melahirkan generasi Ulu’l Albab” -- yang dijadikan sumber inspirasi sekolah, kolej atau universiti di Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam. Membangun “Generasi Ulu’l Albab” atau “Professional Islamik” atau “Intelektual-Ulamak” atau “Insan Salih” atau “Islam Sebagai Cara Hidup Yang Syumul” memang serasi dengan konsepsi dan missi *al-Wasatiyyah*, dan institusi-institusi sedemikianlah yang akan menjadi sumber modal insan yang baik untuk menjadi pembina-pembina tamadun yang adil, cemerlang, terbilang dan berkeseimbangan. Jaringan kerjasama dan komunikasi antara institusi-institusi sedemikian dirantau ASEAN hendaklah dipertingkatkan.

Suatu perkembangan yang positif ialah tercapainya kesepakatan para menteri-menteri agama Islam Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura (MABIMS) dalam pertemuan mereka pada bulan Disember 2014 untuk mengembangkan cara hidup Islam yang 1) membawa rahmat dan memberi berkat bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga untuk seluruh manusia; 2) membangun Islam peradaban yang relevan dan serasi dengan perkembangan demokrasi, modernisasi dan globalisasi yang positif; dan 3) menolak sebarang pemikiran atau gerakan terorisme berbasis agama demi menjaga keharmonian dan kestabilan serantau.

Sesungguhnya sudah terdapat gagasan-gagasan intelektual Muslim di Nusantara yang serasi dengan konsepsi dan missi *al-Wasatiyyah*. Diakhir abad ke 20 gagasan Masyarakat Madani (lihat Azyumardi Azra (1999, 2000, 2004: *Menuju Masyarakat Madani*) dicetuskan di Indonesia dan Malaysia sesuai dengan usaha membangunkan *Civil Society* kearah kehidupan yang lebih demokratis dan anti

kediktatoran di Dunia Ketiga. Lima tahun yang lalu ketika Abdullah Badawi menjadi perdana menteri Malaysia, beliau menonjolkan gagasan Islam Hadhari sebagai suatu perspektif pemikiran dan diskursus ketamadunan (*civilizational discourse*) yang amat diperlukan oleh umat Islam Malaysia dan dipersada pemikiran Islam global. Di Brunei Darussalam di tonjolkan empat tahun yang lalu gagasan Negara Zikir yang melambangkan keinginan pemimpin agama Brunei Darussalam untuk membangun negara yang beretika dan bermoral secara holistik dengan melebar luaskan nilai takwa dalam budaya dan tamadun Brunei Darussalam. Di Indonesia sudah lama ditonjolkan slogan Islam sebagai Rahmatan li'l-Alamin, pembawa rahmat dan kebaikan untuk seluruh manusia dan alam. Gagasan-gagasan positif dalam konteks geopolitik negara Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam semuanya serasi dengan konsepsi dan missi *al-Wasatiyyah*. Dengan wujudnya Komuniti ASEAN diakhir tahun 2015, sudah samapai masanya sebuah gagasan serantau dan trans-nasional dirancang dan dilaksanakan secara kolektif, regional dan global.

Sesuai dengan perkembangan-perkembangan diatas, sistem dan kurikulum pendidikan agama dan pendidikan umum umat Islam hendaklah ditinjau semula dari masa ke semasa, diperbaiki dan dibugarkan agar masyarakat dan negara umat Islam memiliki ciri-ciri *al-Wasatiyyah* yang dikehendaki oleh Allah (SWT) yang telah menguniakan gelaran dan pangkat yang istimewa itu. Dalam konteks perubahan zaman globalisasi dan glora keruntuhan moral dan tamadun sekular dan kebendaan masa kini yang diterangkan di atas, program *islah* atau pembaikan-pembetulan keatas *manhaj* (kurikulum) pendidikan ugama Islam amat diperlukan.

Sudah pasti proses dan strategi merekonstruksi tamadan yang didorong oleh konsepsi dan missi *al-Wasatiyyah* perlu merangkumi usaha-usaha reformasi sosial seranatu dan peningkatan dalam jaringan kerjasama ummatik serantau. Antara usaha-usaha yang membuka jalan kearah rekonstruksi tersebut ialah pengukuhan kerjasama serantau dan ummatik yang melibatkan:

1. Bidang pendidikan Integrasi (Agama & Sains) dan pembaharuan (*tajdid*) sistem pendidikan tradisional di Patani, Malaysia dan Mindanao.
2. Dakwah & Kesenian Islamik untuk menghadapi cabaran propaganda anti-Islam dan kesenian hedonistik, sekular dan liberal.
3. Perluasan sistem ekonomi syar'iyah & WAQF Regional.
4. Produksi filem & T.V. yang Islamik.
5. Pembinaan kapasiti dalam bidang dakwah menghadapi arus Islamophobia dan anti-Islam di Internet.
6. Bantuan dan pembelaan kepada komuniti Islam di Kampuchea dan Myanmar, Mindanao dan golongan minoriti Islam di ASEAN. *Genocide* dan *ethnic cleansing* minority Islam Rohingya di Negara Myanmar masa kini perlu ditangani bersama.
7. NGO Islamik serantau dan pembentukan gerakan atau persatuan *Disaster Relief* rantau ASEAN seperti Islamic Relief.

8. Ikatan cendekiawan dan ulamak serantau serta ikatan belia Islam rantau ASEAN bagi memupuk pembangunan tamadun berjiwa dan bermisi al-*Wasatiyyah* dirantau ASEAN.
9. Latihan imam, pendakwah ASEAN diadakan dalam pusat-pusat latihan bersama di Indonesia, Malaysia atau Brunei Darussalam.
10. Peningkatan *tourisme* keagamaan di ASEAN untuk menghidupkan sejarah Islam di Asia Tenggara.
11. Pertukaran kepakaran dalam:
 - a) Bidang Dialog Antar Agama,
 - b) Rehabilitasi elemen-elemen militan, radikal, pseudo- sufi, dan ajaran sesat.
 - c) Koordinasi dalam menghadapi cabaran penetrasi alam Sunni oleh mazhab Syi'ah, agama Ahmadiyah/Qadyaniah dan aliran puritanisme radikal.
 - d) Penerokaan alternatif-alternatif sistem kewangan, perekonomian dan pendidikan masyarakat Islamik diluar kota.
 - e) Pembangunan masyarakat Islam yang terpinggir dalam negara bukan Islam supaya keperluan hidup asasi seperti air bersih dan letrik dinikmati.
 - f) Membantu mengisi keperluan golongan Muslim Baru, supaya tidak jatuh ketangan golongan-golongan lain yang bertentangan dengan kepentingan umat Islam.
 - g) Melahirkan kader-kader pemimpin politik umat yang menghayati nilai-nilai integriti, IMTAK (iman dan takwa) dan misi *Wasatiyyah*. Mereka harus pintar monitor bersama dasar-dasar dan strategi serta tindakan kuasa-kuasa yang bertentangan dengan kepentingan umat Islam di negara-negara ASEAN.
 - h) **R.I.S.E.A.P (REGIONAL ISLAMIC DA'WAH COUNCIL OF SOUTHEAST ASIA AND THE PASIFIC)** perlu diaktifkan semula, dibesarkan dan di perkasakan untuk benar-benar menjadi badan umat Islam Asia Tenggara dan Pasifik yang efektif dan relevan dalam menangani beberapa tuntutan umat Islam di ASEAN seperti yang di sebut di atas.

Membangun Kota-Kota atau Negeri atau Daerah-Daerah Yang Menjadi *Role Model* atau Contoh Terbaik Sebuah Tamadun Berjiwa *Wasatiyyah*: Projek Jangka Panjang

Kewujudan **role model** atau **ikon Wasatiyyah** yang menunjukkan pencapaian yang baik atau cemerlang dalam pelbagai bidang kehidupan sosial: perekonomian yang adil dan sejahtera; pengurusan awam dan pentadbiran institusi-institusi awam yang cekap, professional, bersih, berintegriti; kehidupan kemasyarakatan yang harmonis, selamat dan berdisiplin, sistem keadilan yang benar-benar bebas dan sifar-rasuah; keadaan kota dan persekitaran yang bersih, teratur, beretika; kewujudan institusi ilmu pengetahuan dan pendidikan rendah, menengah dan tinggi yang berkualiti tinggi; kemajuan sains, teknologi dengan amalan penyelidikan yang terpuji; kehidupan kekeluargaan yang utuh dan berpaksi nilai-nilai akhlak terpuji; pembinaan alam persekitaran yang indah, nyaman dan lestari pemerintahan.

Sudah terdapat beberapa kota atau bandar di beberapa negeri orang Islam yang dikenali sebagai “Kota Ilmu” (*Knowledge City*) atau “Kota Islamik” yang bertujuan menjadi kota-kota contoh keunggulan tertentu. Kota-kota atau negeri atau daerah yang dipilih itu hendaklah dirancang dengan baik dan benar-benar bertujuan menjadi katalis atau contoh kecemerlangan umat Islam dalam kehidupan bertamadun yang dapat dibanggakan, sekurang-kurangnya dari segi kebersihan, disiplin, bebas rasuah, kelakuan bermasyarakat yang berakhlak mulia, dan kehidupan kesenian atau kebudayaan yang bebas dari unsur kemunkaran atau kemaksiatan. Mungkin Brunei Darussalam dapat dirancang menjadi Negara Contoh pada masa depan dalam bidang-bidang keunggulan *Wasatiyyah* tertentu.

Implikasi Keatas Peranan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Di Rantau Asean

Kearah pembentukan atau rekonstruksi tamadun bermisi *Wasatiyyah* secara trans-nasional, institusi-institusi pengajian dan pendidikan tinggi Islamik (IPPTI) termasuk universiti-universiti Islamik mempunyai peranan yang besar dan penting kerana institusi-institusi itu semua adalah taman-taman ilmu pengetahuan dan budi yang – melalui pelbagai bidang pengkhususan ilmu-ilmu keagamaan, keduniaan, saintifik, professional dan teknologikal – mampu melahirkan ulamak, ilmuan, professional berakhlak, ulu’l albab, pemimpin dan pengurus masyarakat Islam. Mereka dianggap dan dihormati oleh masyarakat awam kerana dipercayai mempunyai ketrampilan-ketrampilan yang diperlukan untuk pembangunan yang bersepadu, termasuk sifat *KhasyatuLlah*, *TaqwaLlah*, *DhikruLlah*, dan *Mu’minin* yang cintakan Allah (SWT), Rasulullah (SAW) dan komited kepada Wawasan dan Missi Islam, pelaksana *Iqamatud-Din wa’l-Hadharah*, *Shuhada’u’l- Wasatiyyah*.

Komuniti akademik sedemikian boleh diharapkan menjadi *role model* modal insan bertamadun tinggi yang menegakkan keadilan, kebenaran, kebijaksanaan, ketatasusilaan, keilmiahan perfikiran dan bertindak, berpendirian bebas, punyai amalan integriti yang utuh kerana kuatnya asas iman dan takwa dalam hati (*qalb*) mereka. Merekalah yang harus menjadi agen-agen perubahan dan rekonstruksi tamadun umat Islam serantau yang boleh dipercayai.

IPPTI juga mempunyai cendekiawan, ilmuwan dan sarjana-sarjana Muslim yang lebih sedar tentang tren-tren perubahan dalam dunia masa kini dan dapat menilai secara objektif tren-tren yang positif untuk kebaikan umat Islam dan tren-tren negatif yang boleh merusakkan agama Islam atau kedudukan umat Islam. Mereka sedar dan mengetahui wujudnya strategi politik kuasa-kuasa besar secular dunia untuk mendominasi dunia pendidikan tinggi bagi tujuan ekonomi mereka, termasuk tren komersialisai ilmu pengetahuan, *business of ranking*, masalah “*kecemerlangan tanpa jiwa*” yang ditimbulkan oleh Harry Lewis dalam bukunya *Excellence without a Soul: How a Great University Forgot Education* (2006), dan konsekuensi daripada sikap kebergantungan kepada hegemoni intelektual, sains dan teknologi Barat.

Mereka juga sedar tentang kehadiran tren-tren pemikiran dan penghayatan agama secara sekularis, liberalis, pluralis, feminis, dan pasca-modernis yang disebarkan oleh kelompok-kelompok Muslim tertentu melalui media massa, organisasi massa, universiti-universiti atau badan-badan kajian keagamaan atau sosio-politik. Tujuan terakhir tren-tren pasca-modernis itu ialah pembangunan masyarakat dan negara yang memisahkan agama Islam daripada perjuangan atau kuasa politik, kehidupan kemasyarakatan yang berdasarkan faham demokrasi yang sekular, dan kefahaman serta penghayatan keagamaan yang berpegang kepada keyakinan bahawa semua agama adalah sah dan sifat keislaman sedia wujud dalam agama-agama besar didunia.

Dalam konteks permasalahan yang dibentangkan diatas, IPPTI mempunyai tugas yang besar untuk mendidik, membangun dan memimpin masyarakat Islam dirantau ASEAN kearah rekonstruksi tamadun yang berjiwa dan bermisi Wasatiyyah. Adalah diharapkan akan wujud beberapa buah IPPTI dirantau ASEAN yang boleh dianggap sebagai contoh-contoh institusi ilmu pengetahuan yang baik dari perspektif sifat-sifat kecemerlangan anjuran konsepsi dan missi *Wasatiyyah*. Langkah-langkah pembaikan yang perlu difikirkan dan dirancangan ialah:

1. Pembangunan ilmu pengetahuan dan kepribadian mahasiswa dan tenaga pengajar hendaklah serasi dengan pandangan semesta Tauhidik.
2. Kurikulum yang mengintegrasikan secara harmonis, dinamis ilmu-ilmu agama (*ulum naqliyyah/ulum syar'iyah/ulum al-din/ ma'arif al-wahy*) dan ilmu-ilmu dunia (*ulum `aqliyyah/ulum ghair syar'iyah/ ulum al-dunya/ `ulum tabi'iyah/ulum insaniah*), melalui beberapa kaedah pengintegrasian, *inter-connectivity* dan komplementariti.
3. Kursus atau mata kuliah yang mengajar matapelajaran tentang tamadun Islam atau – kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Malaysia – perlu ditinjau semula secara komprehensif bagi memberi ruang dan penekanan yang sewajarnya untuk topik konsepsi dan missi *Ummah Wasat* dan implikasi *al-Wasatiyyah* yang komprehensif dalam bidang pembangunan insan, ekonomi dan industri, undang-undang, pentadbiran awam dan politik, seni budaya, pembangunan bandar dan luar bandar, kota dan negara, pambanunan sains dan teknologi, pendidikan dan penyelidikan, kehidupan beragama, hubungan sosial antara agama dan budaya,

4. Falsafah pembangunan kampus dan persekitarannya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip dan etika pembangunan holistik dan seimbang sehingga ia menjadi contoh kampus yang dirancang dengan baik dengan ciri-ciri yang terpuji, seperti kebersihan, keselamatan, ketenteraman, keindahan, kelengkapan dan kemudahan yang menyenangkan mahasiswa dan warga kampus berkerja atau belajar didalamnya.
5. Lebih penting dari falsafah pembangunan kampus dan bentuk fisikalnya ialah kualiti kurikulumnya. Dalam budaya dan tamadun berjiwa sekularisme, aspek-aspek kehidupan moral, keagamaan dan kerohanian (*tarbiah ruhiyyah*) tidak diberi perhatian kerana itu semua dianggap berada dalam urusan peribadi individu masing-masing. Tidak hairanlah jikalau terjadi fenomena “*excellence without the soul*”. Dalam IPTI kurikulum semestinya bersifat holistik dengan memberi tempat yang sewajarnya dan secara komplementari antara dimensi kognitif, ilmiah, akademik dengan dimensi moral, kerohanian, afektif, dan dimensi fisikal, material dan sosial. Kurikulum sedemikian juga menggabungkan aspek-aspek ilmu pengetahuan dan pendidikan yang baik dari warisan zaman silam umat Islam dengan aspek-aspek yang positif, berguna dan tidak bertentangan dengan Akidah, Syari’ah dan Akhlak Islam. Program-program studinya perlu meneroka pendekatan-pendekatan baru yang dikenali dengan istilah *multi-disciplinary*, *inter-disciplinary* atau *trans-disciplinary*
6. Dalam kurikulum yang holistik berimbangan antara tradisi dan moderniti itu, ilmu pengetahuan keagamaan harus sentiasa diperbaiki melalui proses *islah*, *tajdid*, *taghyir*, *ihya’*, *takamul*, *tahsin*, *tahdith* dan *tazkiyah*. Para pembina kurikulum keagamaan juga harus waspada terhadap tren-tren baru yang berasal dari dunia Orientalisme atau dunia pemikiran sekularistik dan pasca modernis yang berwawasan “Islam Liberal”, “Islam Progressif”, “Islam Pluralis” atau konsep Pluralisme atau Perennialisme atau *Transcendent Unity of Religions* yang menekankan kesamaan, kebenaran dan kesahihan mutlak tiap-tiap agama besar didunia sehingga tidak ada keyakinan bahawa agama Islam disempurnakan dan diperbaharui dengan nubuwah dan risalah Nabi Muhammad (SAW).
7. Kurikulum ilmu pengetahuan keduniaan yang merangkumi ilmu-ilmu sains tabi’i, teknologi, sains sosial dan kemanusiaan (atau humaniora) yang berlandaskan pandangan semesta sekularisme, naturalisme, scientisme, materialisme, empirisisme atau humanisme sekular harus menjalani proses penilaian kritis atau saringan epistemologis supaya unsur-unsur yang sarat nilai sekular atau agnostik atau atheistik, yang bertentangan dengan Akidah, Syari’ah dan Akhlak Islam tidak harus diterima begitu sahaja atau dianggap tidak menjadi masalah. Perlu diingat bahawa terdapat aspek-aspek ontologi, kosmologi, epistemologi, teleologi, axiologi atau etika ilmu-ilmu keduniaan modern sebenarnya bercanggah dengan pandangan semesta Islam.
8. Pembangunan tenaga pengajar atau akademisi dan administrasi hendaklah berteraskan budaya kualiti cemerlang. Mereka harus berpegang teguh dengan etika kerja yang cemerlang untuk menjadi agen pembangunan dan pengembangan tamadaun berjiwa dan bermisi *Wasatiyyah*. Mereka bukan sekedar memindah ilmu atau informasi; mereka merupakan *Murabbi*, *Mursyid*, *Mu`allim* Dan *Mu`addib* yang

komited kepada wawasan pendidikan holistic dan terus berusaha mencapai tahap-tahap kecemerlangan dalam karier akademik dan professional mereka.

Penutup

Kelahiran Persatuan Universiti-Universiti Islam ASIA membuka peluang keemasan untuk merancang secara kolektif dan trans-nasional

agenda rekonstruksi tamadun umat Islam rantau ASEAN berdasarkan missi Wasatiyyah. Dengan melibatkan kerjasama serantau badan-badan seperti MABIMS, Sekretariat ASEAN, Dialog Ulamak dan Da'i Malaysia dan Indonesia dan jaringan intelektual antarabangsa, perancangan dan pengembangan agenda ketamadunan ummatik serantau dan universal ini secara sistematik, bertahap-tahap dan berjangka panjang – antara tiga sampai lima dekad – akan dapat direalisasikan.

Bibliografi

1. Abdul Halim bin Kader (2007). *Fighting Terrorism: Preventing the Radicalisation of Youth in a Secular and Globalised World*. Singapore: Taman Bacaan Pemuda Pemudi Melayu Singapura.
2. Abdul Munir Yaacob (1999). *Prinsip-Prinsip Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malayisa.
3. Abdullah Md. Zain and Khairil Annas Jusoh (2011). *Pendekatan Wasatiyyah dalam Menghayati 1 Malaysia*. Kuala Lumpur: Kasturi Jingga Corporation Sdn. Bhd.
4. Abu Bakar Abdul Majeed (2002). *Making the Best of Both Worlds*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia.
5. Abu Bakar, 'Ala (2005). *Islam Yang Paling Toleran*. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.
6. Baloch, N.A. (2006). *Great Books of Islamic Civilization*. New Delhi: Kitab Bhavan.
7. Clammer, John (1996). *Values and Development in Southeast Asia*. Malayisa: Pelanduk Publications.
8. Foong, Hui Yew (2013). *Encountering Islam: The Politics of Religious Identities in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
9. Gunaratna, Rohan (et al.) (2013). *Countering Extremism Building Social Resilience through Community Engagement*. London: Imperial College Press.
10. H.A. R. Gibb, Hamilton (1962). *Studies in the Civilization*. Toronto: S. J Refinald Saunders and Co., Ltd.,
11. Helmanita, Karlina. Abubakar, Irfan. And Afrianty, Dina (eds.) (2004). *Dialogue in the World Disorder: A Response to the Threat of Unilateralism and World Terrorism*. Jakarta: Pusat Bahasa dan Budaya UIN Syarif Hidayatullah Jakarta and Konrad-Adenauer-Stiftung.
12. Hilmy, Masdar (2010). *Islamism and Democracy in Indonesia: Piety and Pragmatism*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

13. Kamar Onaniah Kamaruzaman (2013). *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibah Perspective* (A Collection of Seminar Papers). Kuala Lumpur: IIUM Press.
14. M. Kamal Hassan (2013). *The Need to Understand Al-Wasatiyyah as Part of IIUM Mission of Islamisation*. Kuala Lumpur: Centre for Islamisation (CENTRIS).
15. Mohammad Hashim Kamali (2010). *Moderation and Balance in Islam: The Qur'anic Principle of Wasatiyyah*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Studies Malaysia.
16. Mokhtar Abdullah (2003). *Value-Based Total Performance Excellence Model*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia.
17. Mokhtar Abdullah, Nooreha Husain, Nik Mustapha Nik Hassan, Mazilan Musa (eds.) (2003). *Essays on Islamic Management & Organisational Performance Measurements*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia.
18. Moller, Jorgen Orstrom (2011). *How Asia Can Shape the World*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
19. Muhammad Haniff Hassan (2009). *Unlicensed to Kill Countering Imam Samudra's Justification for the Bali Bombing*. Singapore: Nature Media Pte Ltd (Publishing Dept).
20. Najib Tun Razak (2012). *Gerakan Moderat Global*. Kuala Lumpur: Global Movement of Moderates Foundation.
21. Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (2002). *Corporate Governance from the Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia.
22. al-Qaraḍāwī, Yūsuf (2006). *al-Ṣaḥwah al-Islāmiyyah min al-Murāḥaqah ila al-Rushd*. Cairo: Dār al-Shurūq.
23. al-Qaraḍāwī, Yūsuf (2010). *Fiqh al-Wasatiyyah al-Islāmiyyah wa al-Tajdīd ((Ma'ālim wa Manārāt))*. Cairo: Dār al-Shūruq.
24. al-Qāsimi, Mujāhid al-Islām (2000). *Ummah Wasaṭ*. New Delhi: Ma'had al-Dirāsāt al-Maudū'iyyah.
25. Saat A Rahman (2013). *Winning Hearts and Minds, Promoting Harmony A decade of Providing Care and Support*. Singapore: The Religious Rehabilitation Group (RRG)
26. al-Ṣalābī, 'Alī Muḥammad (1999). *al-Wasatiyyah fī al-Qur'ān al-Karīm*. 'Ammān: Dār al-Nafāis.
27. Syed Othman Alhabshi (ed.) (1994). *Islam and Tolerance*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia.
28. Taher, H. Tarmizi (1997). *Aspiring for the Middle Path Religious Harmony in Indonesia*. Jakarta: Center for the Study of Islam and Society (CENSIS), IAIN Jakarta.
29. Zarkasyi, Hamid Fahmi (2012). *Misykat: Refleksi Tentang Islam, Westernisasi & Liberalisasi*. Singapore: Institute for the Study of Islamic Thought and Civilizations.